

Perbuatan gugat kestabilan politik

Langkah 'tebuk atap' boleh beri persepsi negatif kepada negara

Oleh Mahani Ishak,
Latifah Arifin dan
Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebarang usaha untuk menggulingkan kerajaan memerintah menerusi pintu belakang perlu dihentikan segera kerana ia boleh menjejaskan dan merencatkan ekonomi negara, selain memberikan kekusaran dan rasa kurang senang kepada masyarakat.

Penganalisis politik dan tokoh politik veteran juga berpendapat perbuatan 'tebuk atap' juga boleh menggugat kestabilan politik, selain turut menunjukkan kepincangan moral yang ketara dalam kalangan pemimpin politik.

Malah, ada yang mempersoal apa gunanya pilihan raya diadakan sekiranya perkara seperti ini masih terus berlaku dalam negara, padahal rakyat mahu keamanan, kestabilan dan kesejahteraan berdasarkan keselamatan politik.

Penganalisis Keselamatan dan Politik, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin, berkata senario politik yang berlaku sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) hingga PRU15 memberikan kesan kepada keselamatan politik.

"Sepatutnya sebagai sebuah negara yang mengamalkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, ahli politik harus menumpukan kepada kepen-

tingan untuk menstabilkan negara dan ekonomi.

"Pembangkang yang baik dapat membantu menambah baik sistem ekonomi negara di samping asas serta polisi yang dicadangkan kerajaan," katanya.

Veteran DAP merangkap bekas Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw, berkata cubaan menumbangkan Kerajaan Perpaduan perlu dihentikan segera kerana, selain menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara, ia turut menunjukkan kepincangan moral yang ketara dalam kalangan pemimpin politik.

Katanya, agenda 'tebuk atap' melalui pelbagai gerakan, yang terbaharu, Langkah Dubai sudah cukup memberikan persepsi negatif kepada situasi semasa landskap politik negara.

"Percubaan sedemikian menunjukkan kerakusan sebahagian pemimpin yang keterlaluan sehingga sanggup menggadai ikrar bagi menjaga kebajikan rakyat, mempertahankan Perlembagaan dan negara.

"Kita mesti ada kerajaan yang stabil. Kerajaan Perpaduan sudah ada majoriti, namun kalau sentiasa diganggu, melalui Langkah Dubai, Langkah Sheratonlah. Ini menyebabkan susah untuk (kerajaan) mentadbir.

"Pelaksanaan sebarang dasar mengambil masa. Kadangkala lima tahun tak nampak lagi (keberkesannya), kadangkala ambil masa 10 atau 15 tahun baru tahu berhasil. Kalau baru beberapa bulan (kerajaan) sudah pun tumbang, apa pun tak sempat dilaksanakan," katanya.

Seng Giaw turut menegur sikap pemimpin yang sepatutnya sedar mandat yang diberikan kepada mereka adalah atas kapasiti undian rakyat.

"Ini soal mandat rakyat. Jadi kalau rakyat sudah mengundi, janganlah terus ubah lagi. Ini

bukan tugas pemimpin untuk ubah kerajaan. Tugas hakiki mereka adalah untuk memberikan khidmat kepada rakyat, sebagaimana ikrar ketika mengangkat sumpah, termasuk mempertahankan Perlembagaan dan negara.

"Pemimpin perlu berakhlak, menjaga nilai masyarakat. Ini sikap yang perlu ada pada setiap pimp in, jika benar sayangkan masyarakat dan negara," katanya.

Penganalisis politik dari Jabatan Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UiAM), Prof Madya Dr Lau Zhe Wei, turut meminta pemimpin politik menghentikan perbuatan 'tebuk atap' yang disifatkan sebagai tindakan sia-sia.

"Saya lihat pemimpin di sebalik Langkah Dubai ini, seolah tidak ada kerja lain nak dilakukan. Ini memang satu tindakan yang salah. Kerajaan sekarang sudah stabil kenapa nak usik kestabilan itu.

"Episod perebutan kuasa yang berlaku di negara ini hanya dapat diakhiri sekiranya semua pimpinan parti politik kembali menjunjung tinggi semangat demokrasi.

"Nasihat saya, pemimpin kembali kepada semangat demokrasi. Perlu tahu kenapa mereka dipilih jadi Ahli Parlimen, ini semuanya disebabkan undian rakyat. Kita tahu rakyat mengundi berdasarkan parti lebih daripada individu (pemimpin).

"Kiranya mereka menang bukan sebab diri mereka sendiri tetapi parti. Jadi, kalau anda rasa, parti anda teruk, keluarlah secara bermaruah dan bertanding semula. Cara ini lebih berprinsip berbanding menggadai maruah dengan melakukan pelbagai tindakan melalui pintu belakang," katanya.